

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS  
PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN,  
PERINGKAT KEBANGSAAN DI STADIUM  
MERDEKA, KUALA LUMPUR, PADA 13HB  
OKTOBER, 1973

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi, Jawatankuasa Pusat;  
Y.B. Menteri-menteri; Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara  
sekalian,

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan inayahNya kita  
dapat berhimpun di majlis malam ini untuk memulakan Per-  
tandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran bagi tahun Hijrah  
1393 ini.

Saya sukalah terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan pujian  
kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat di bawah pimpinan Tan Sri  
Syed Nasir dan juga kepada tiap-tiap orang perseorangan yang  
telah memberikan sumbangan mereka dalam apa juga bentuk  
untuk menjayakan majlis pertandingan ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sesungguhnya amatlah kena pada tempatnya Pertandingan  
tahun ini memilih tema "Pembangunan Ekonomi dan Teknologi".  
Sebagai manusia zaman moden di mana kehidupan kita sentiasa  
bergantung kepada ilmu pengetahuan serta dipengaruhi oleh  
kemajuan sains dan teknologi, hakikat ini patutlah disedari setiap  
masa supaya membolehkan kita bergerak maju mencapai taraf  
kehidupan yang lebih tinggi seperti bangsa-bangsa lain di dunia.

Adalah menjadi syarat mutlak bagi kita, baik sebagai orang  
perseorangan mahupun sebagai satu bangsa, membaiki taraf  
ekonomi yang menjadi ukuran samada kita benar-benar satu  
Bangsa yang moden dan maju ataupun sebaliknya.

Bagi kita umat Islam, kemajuan yang kita hajatkan tentulah  
tidak memadai untuk lahiriah sahaja bahkan hendaklah sama  
seimbang dan sama sejajar dengan kemajuan rohani.

Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kita, sebagai  
umat Islam yang taat kepada Tuhan memperbaiki keadaan hidup

dengan menguatkan kedudukan ekonomi kita dan dengan demikian memperkukuhkan lagi iman untuk beribadat kepada Allah. Adalah nyata keadaan hidup yang rukun damai mendorong kita supaya sentiasa mengingat akan Allah yang memberikan rezkiNya serta melindungi kita pada setiap masa.

Pada aspek yang lebih luas, ajaran Islam menegaskan kewajiban kita memperkukuh kedudukan ekonomi kita supaya kita membina masyarakat yang teguh serta bangsa yang kuat dan maju. Sebaliknya, kalau kedudukan ekonomi kita lemah, maka kekallah kita sebagai umat yang lemah dan kita tidak akan berupaya meninggikan syiar Islam yang mulia itu. Pada hal Islam adalah agama yang progresif dan dinamis yang berkehendakkan umatnya kuat serta hidup bahagia dan mulia. Dan dengan kekuatan serta keteguhan ekonomi jugalah maka kita dapat mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Memandang kepada hakikat inilah sebagai umat Islam merasa bertuah oleh kerana Allah telah menurunkan Kitab Suci Al-Quran yang mengandungi ajaran-ajaran untuk kebahagiaan manusia bagi setiap zaman. Walau apa juga bangsanya dan di mana ia berada, setiap umat Islam menjunjung tinggi Al-Quran dan menganggapnya sebagai punca segala ilmu pengetahuan ataupun ibarat mercu suar yang menyuluh kita di malam gelita supaya mengikuti jalan yang sebenar.

Sebagai menghormati serta memuliakan Kitab Suci Al-Quran maka kita mengambil sempena peristiwa Nuzul-Quran untuk mengadakan majlis Pertandingan Membaca Al-Quran, memperingati hari Allah menurunkan Al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. junjungan kita semasa beliau di dalam semadi di Gua Hira'. Pada anggapan saya, inilah cara yang sebaik-baiknya bagi menghormati serta memuliakan Kitab Suci itu yang mana kita sama-sama berharap akan menjadi tradisi negara yang kita kasihi ini.

Saudara-saudara sekalian,

Bagaimanapun, tentulah tidak mencukupi kalau hanya setakat memuliakan Al-Quran dengan cara memperdengarkan bacaan yang baik serta teratur menurut tajwid dan suara yang lemak

merdu. Bahkan perkara yang lebih penting ialah bagi kita mempelajari Al-Quran untuk memahami segala ajaran yang terkandung di dalamnya serta hikmat yang terselindung di sebaliknya tafsirannya itu.

Saya sangat puas hati serta gembira iaitu hasil dari usaha kita mengadakan pertandingan ini setahun demi setahun, hari ini kita telah mencatatkan kemajuan yang tinggi di bidang pembacaan Al-Quran di samping mendapatkan sambutan yang meluas terhadap usaha meninggikan mutu pembacaannya. Kita boleh menyaksikan hal ini melihat kepada sambutan yang meriah setiap kali diadakan pertandingan membaca Al-Quran bukan saja anjuran Kerajaan di peringkat negeri dan daerah bahkan juga dikalangan para pelajar, dikalangan angkatan tentera dan polis, serta kadang kali menjadi acara hiasan untuk majlis keramaian dan sebagainya.

Bagi pihak Kerajaan, usaha-usaha akan terus dijalankan supaya sambutan orangramai serta sikap cintakan Al-Quran ini terus berkekalan. Seperti yang dimaklum, Tafsiran Al-Quran telahpun sempurna disiapkan dan begitu juga buku yang mengandungi Kumpulan Hadith Nabi yang saya harap akan dapat diedarkan untuk tatapan umum tidak lama lagi.

Begitu juga, usaha-usaha yang berhubung dengan tujuan meninggikan syiar Islam akan segera diselesaikan iaitu Pusat Kajian Islam dan Pusat Dakwah yang mana mempunyai erti yang besar terhadap perkembangan serta kemajuan Islam di negara kita pada masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Sukalah saya mengulangi lagi betapa pentingnya bagi kita khususnya umat Islam menumpukan usaha dan tenaga untuk meninggikan taraf ekonomi dan seterusnya memperkuat kedudukan serta mertabat bangsa. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita memerlukan kedudukan ekonomi yang teguh supaya dapat menunaikan ibadat dengan sempurna. Pada masa ini, dan dalam tempoh sebulan dua ke hadapan, umat Islam akan mula berhimpun di Tanah Suci Makkatul Mukarramah untuk menunaikan Fardhu Haji iaitu Rukun Islam yang kelima.

Adalah jelas hikmat disebalik rukun ini iaitu supaya kita berusaha untuk berjimat cermat mengumpulkan wang untuk membiayai perjalanan ke Tanah Suci itu. Ini tentulah tidak

dapat dilakukan kalau kita tidak menyusun ekonomi kita dengan baik supaya dapat kita menyimpan wang samada melalui Tabung Haji ataupun melalui cara-cara yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan sedar dan sangat mengambil berat tentang rancangan ekonomi dan terus-menerus berikhtiar untuk meninggikan taraf ekonomi umat Islam di negara ini. Mulai tahun lalu kita telah melancarkan Tabung Ekonomi yang dijalankan serentak semasa umat Islam mengeluarkan zakat fitrah. Saya harap pada tahun ini pungutan untuk tabung ekonomi itu dengan seberapa banyak modal yang boleh akan dijalankan dengan lebih giat lagi. Saya berharap Jabatan Ugama Islam di negeri-negeri patut menubuhkan satu rancangan ekonomi bagi menguatkan tabung kewangan Baitulmal yang telah sedia ada di Jabatan Ugama itu. Kegiatan-kegiatan ekonomi yang sesuai dengan zaman moden, zaman sains dan teknologi, patutlah dikaji dan dijalankan untuk membawa munafaat kepada semua.

Kita semua maklum ada institusi kewangan yang ditetapkan oleh Islam untuk menyusun pemungutan harta yang berkekalan untuk tujuan membiayai kebajikan Umat Islam dari semasa kesemasa, misalnya tabung wakaf yang disumbangkan oleh hartawan Islam untuk tujuan-tujuan kebajikan umat Islam. Tetapi malangnya oleh kerana kita umat Islam tidak mengikut peredaran zaman maka harta-harta wakaf umat Islam itu tidak berkembang. Tanah-tanah wakaf yang terdiri dari rumah-rumah lama ataupun mempunyai tanaman-tanaman yang amat sedikit mendapat hasil, terbiar begitu sahaja, sepatutnya kita cuba menyusun semula cara-cara bagi mendapatkan hasil yang berpatutan daripada harta-harta wakaf itu. Sedangkan objektif wakaf itu adalah mulia dan sangat baik; maka patutlah diperhatikan semula pengurusan tanah wakaf itu.

Islam mempunyai rancangan-rancangan yang mulia yang boleh menjamin menguatkan kedudukan umat Islam dari segi ekonomi dan kemasyrakatannya. Pada zaman ini dunia membangun dengan kekuatan ekonomi dan perindustrian. Kita umat Islam wajib membangunkan perindustrian dan perekonomian kita sesuai dengan ajaran Islam yang mahukan kita supaya menjadi kuat dan maju di kedua-dua lapangan, lapangan kebendaan dan kerohanian, sesuai dengan kehendak maksud suatu Hadith Nabi

bahawa, orang mukmin yang kuat itu lebih mulia di sisi Allah daripada orang mukmin yang lemah.

Masanya telah tiba bagi kita umat Islam bekerja dengan lebih kuat lagi dan berfikir dengan lebih positif ke arah membangunkan diri sendiri untuk menebus kemunduran yang sekian lama kita alami itu. Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, sehingga kaum itu mengubah nasibnya sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Hanya sekian ucapan saya di majlis yang berbahagia ini dan seterusnya saya dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi Mengasihani merasmikan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini.